

IQRA'

Bil. 2/2022

FEBRUARI

eISBN : 2735-1920



Bengkel Kajian Semula Perancangan Strategik

PTAR Shah Alam - muka 5



Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital Bersama Koordinator Program Francais

PTAR Shah Alam - muka 10



Majlis Apresiasi Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor

PTAR Puncak Alam - muka 11



Program CSR Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus K. Terengganu Di SMK Sultan Omar, Dungun

PTAR Dungun - muka 18



Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2021/2022 Ke PTAR Kampus Seri Iskandar

PTAR Seri Iskandar - muka 21

PROMOSI@PTAR



**PAMERAN MAYA: PERSENJATAAN ALAM MELAYU:
SEJARAH, WARISAN DAN BUDAYA
21 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Untuk ke pautan
pameran maya:



*Terbang tinggi si burung Tukang,
Hinggap sebentar di atas dahan
Keris dan pedang bukan sebarang,
Senjata pahlawan zaman-berzaman.*

*Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya
Melaka telah menjalankan pameran maya bertajuk "Persenjataan Alam
Melayu: Sejarah, Warisan dan Budaya Mengenai KERIS*

Keris ialah sejenis senjata tikam bermata dua secara umumnya digunakan untuk mempertahankan diri (misalnya sewaktu bersilat) dan mulanya digunakan sebagai alat kebesaran diraja. Di dalam Alam Melayu terdapat pelbagai senjata yang dihasilkan dan digunakan oleh orang Melayu. Keris merupakan satu senjata yang paling popular dan dikaitkan dengan etnik Melayu. Kisah kepahlawanan Laksamana Hang Tuah dan Keris Tamingsari serta penonjolan penggunaan keris dalam pementasan bangsawan, filem-filem Melayu lama. Penggunaan keris sebagai alat kebesaran diraja oleh Raja dan Sultan serta perlambangan oleh raja sehari menjadikan keris sebagai satu senjata Melayu yang unik dan begitu istimewa bagi etnik Melayu di Kepulauan Nusantara khususnya. Keris telah diiktiraf sebagai Karya Agung Warisan Budaya Kemanusiaan Lisan dan Tidak Ketara oleh UNESCO sejak 2005.

Kehebatan pembuatan senjata di Alam Melayu telah direkodkan dalam sejarah negeri Kedah Pada pedang ini terdapat ikon naga dan jentayu yang membuktikan bahawa pedang ini dan banyak pedang para sahabat serta pedang-pedang terbaik datang dari sebelah dunia Timur. Fakta sejarah ini menunjukkan Alam Melayu sudah pun terkenal dengan pembuatan senjata dari besi seperti pedang di satu kawasan antara India dan China yang dikenali sebagai Qal'atau Kalah atau Kedah Tua.

Dokumentasi mengenai persenjataan Melayu boleh didapati di Leiden, Belanda dan juga terdapat di perpustakaan di London yang menghimpunkan manuskrip Melayu lama. Maklumat mengenai persenjataan Melayu dan teknologi pembuatan ini tidak banyak terdedah kepada rakyat di negara ini khususnya

Pameran maya ini boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Virtual Exhibition.